

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: MAKAN MALAM MERAIKAN TUAN YANG TERUTAMA ANAND PANYARACHUN

TEMPAT: SRI PERDANA, KUALA LUMPUR

TARIKH: 29 MAY 991

MASA:

Tuan Yang Terutama Perdana Menteri Anand Panyarachun;
Tuan Yang Terutama-Tuan Yang Terutama;
Dif-dif Kehormat;
Tuan-tuan dan puan-puan,
Dengan amat sukacitanya saya ingin mengalu-alukan kedatangan Tuan Yang Terutama dan ahli-ahli rombongan Tuan Yang Terutama ke Malaysia. Malah Tuan Yang Terutama bukanlah seorang asing kepada Malaysia kerana pernah melawat ke sini secara persendirian dan secara rasmi sebelum memegang jawatan Perdana Menteri Thailand. Lawatan Tuan Yang Terutama kali ini lebih menggembirakan lagi kerana kami menyambut Tuan Yang Terutama buat pertama kali sebagai Perdana Menteri Thailand. Sudah pasti lawatan Tuan Yang Terutama akan mengeratkan lagi hubungan tradisional yang rapat dan khas yang wujud di antara Malaysia dengan Thailand.

2. Tuan Yang Terutama membuat lawatan ketika perubahan-perubahan ekonomi dan politik yang penting sedang berlaku di dunia hari ini. Oleh yang demikian, lawatan ini memberi peluang kepada kita untuk bertukar-tukar pandangan dan idea mengenai peranan yang boleh kita mainkan di rantau ini untuk memenuhi cabaran-cabaran baru tersebut. Petang tadi kita telah mengadakan perbincangan yang amat berguna mengenai isu-isu dua hala dan serantau. Kita merasa bangga dengan tahap kerjasama ekonomi, kebudayaan dan sosial yang wujud di antara kedua-dua negara dan kita berazam untuk mengukuhkan lagi kerjasama ini dengan menghapus sebarang halangan yang mungkin masih ada. Mekanisma yang perlu sudahpun wujud dalam bentuk Suruhanjaya Bersama dan beberapa jawatankuasa yang berfungsi. Saya yakin, bahawa dengan panduan dan sokongan Tuan Yang Terutama, kita akan berupaya mencapai matlamat yang telah kita tetapkan bersama.

3. Jika saya menekankan keperluan untuk meningkatkan kerjasama dua hala kita, ianya adalah untuk menarik perhatian mengenai betapa pentingnya kerjasama sedemikian bukan sahaja bagi kita, tetapi juga sebagai asas utama bagi sebuah organisasi serantau yang kukuh dan mempunyai daya ketahanan yang kita semua dukung, iaitu ASEAN. Dalam dunia hari ini di mana negara-negara kecil akan mendapati sukar untuk hidup dalam politik antarabangsa yang penuh dengan kepincangan, hanya organisasi serantau yang kukuh dapat menawarkan peraturan yang paling berwibawa untuk melindungi

kepentingan mereka. Selaras dengan semangat inilah kami mengutarakan ASEAN dan sekretariatnya diperkukuhkan. Saya merasa gembira bahawa laporan oleh lima orang terkemuka yang dipilih khas untuk mengkaji dan membuat perakuan-perakuan khusus bagi memperkukuhkan ASEAN, akan dibentangkan tidak lama lagi untuk pertimbangan semua negara ahli. Memandangkan Tuan Yang Terutama sendiri, sebelum ini pernah terlibat dalam usaha yang sama, saya yakin Tuan Yang Terutama akan memberi sokongan penuh kepada usaha-usaha tersebut.

Tuan Yang Terutama,

4. Dalam semangat kerjasama serantau dan kolektif kita yang sama, Malaysia telah mencadangkan penubuhan Kumpulan Ekonomi Asia Timur atau EAEG. Sepertimana yang telah beberapa kali kami nyatakan, EAEG adalah selaras dengan obligasi GATT dan akan mengekalkan sistem perdagangan berbagai hala. Ia juga akan menjadi sebuah forum bagi ahli-ahlinya berbincang di antara satu sama lain bagi mengekalkan perdagangan bebas. EAEG tidak akan menjadi sebuah kumpulan perdagangan yang eksklusif. Bagaimanapun, ianya sudah tentu ingin membantu ahli-ahlinya menjadi makmur dan meningkatkan perdagangan di antara negara-negara serantau. Saya merasa gembira bahawa ASEAN telah bersetuju untuk mengkaji dan menyediakan butir-butir konsepnya. Saya percaya kami mendapat sokongan Tuan Yang Terutama bagi menjadikan konsep tersebut satu kenyataan.

5. Memandangkan Tuan Yang Terutama memegang jawatan pada ketika ini dalam sejarah Thailand, Tuan Yang Terutama mempunyai tanggungjawab untuk menjamin kestabilan, keselamatan dan kemakmuran yang berterusan bagi negara Tuan Yang Terutama. Saya mengucapkan kejayaan dalam usaha-usaha Tuan Yang Terutama kerana kami di Malaysia, sebagai jiran paling dekat, ingin melihat Thailand menjadi sebuah negara yang stabil, selamat dan makmur.